

Kepada: United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809K)

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL BIL KREDIT YANG DIBELI

Permohonan bagi Bil Kredit yang Dibeli untuk [masukkan amaun] terhadap Surat Kredit (*Letter of Credit* atau "LC") No: dibuat tertakluk kepada terma dan syarat berikut, di mana kami bersetuju untuk:

1. Dokumen yang dilampirkan bersama sebarang LC yang dikemukakan kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd ("Bank") untuk tujuan rundingan atau pendiskaunan mesti mematuhi sepenuhnya terma dan syarat dalam LC berkaitan, atau diberi kuasa oleh bank pengeluar LC untuk merunding, mendiskaun atau membayar di mana boleh diguna pakai.
2. Komisen, kadar faedah, caj, fi dan tempoh pembiayaan untuk setiap transaksi adalah pada budi bicara mutlak Bank.
3. Faedah pada kadar yang ditetapkan oleh Bank akan dicaj pada amaun LC yang dirunding, didiskaunkan atau dibayar bermula pada tarikh rundingan atau pendiskaunan (sebagaimana kes yang mungkin berlaku) sehingga tarikh Bank menerima bayaran penuh untuk amaun LC yang dirunding, didiskaunkan atau dibayar. Caj faedah akan ditanggung –
 - (a) oleh Bank dengan mendebitkan akaun semasa kami dengan Bank apabila menerima prosid dari bank pengeluar/pembayaran balik; atau
 - (b) potongan terdahulu dari prosid yang didiskaunkan.
4. Kami akan menanggung komisen pada kadar yang ditetapkan oleh Bank.
5. Kami akan menanggung semua caj yang perlu dibayar di bawah terma dokumen yang disertakan bersama LC.
6. Kami bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai atau levi lain, yang pada tarikh permohonan ini atau pada sebarang tarikh selepas tarikh permohonan ini, diperlukan oleh undang-undang untuk dibayar kepada mana-mana pertubuhan atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank, berkenaan dengan sebarang wang yang dikenakan atau ditanggung oleh Bank berhubung dengan permohonan ini. Apa-apa cukai atau levi lain yang ditanggung oleh Bank berhubung dengan permohonan ini akan ditanggung dan dicaj kepada kami dan sekiranya Bank melakukan pembayaran bagi pihak kami, kami akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada Bank amaun sedemikian yang telah dibayar.
7. Rundingan, pendiskaunan atau pembayaran LC oleh Bank adalah dilakukan tanpa prejudis pada hak merayu terhadap kami dan pesuruh bayar jika tiada pembayaran oleh pesuruh bayar berlaku untuk amaun patut dibayar di bawah LC, sama ada tiada pembayaran tersebut adalah akibat percanggahan dalam dokumen dan terma dan syarat LC, atau sebaliknya. Kami bertanggungjawab untuk membayar Bank amaun yang patut dibayar di bawah LC dalam mata wang yang dinyatakan pada kadar lazim sebagaimana yang ditentukan oleh Bank pada budi bicara mutlaknya.
8. Persetujuan Bank untuk merunding, mendiskaunkan atau membayar sebarang LC berikutan terma yang dinyatakan di sini adalah Terma dan Syarat Bank, dan tertakluk kepada bank pengeluar LC yang boleh diterima oleh Bank. Bank tidak bertanggungjawab untuk menerima sebarang LC yang dikemukakan kepada Bank untuk rundingan, pendiskaunan atau pembayaran.
9. Faedah pada 3.5% setahun di atas Kadar Pinjaman Asas Bank (atau mana-mana kadar yang ditetapkan oleh Bank pada bila-bila masa dan pada budi bicara mutlaknya), dikira atas baki bulanan atau mana-mana baki bertempoh yang mungkin ditentukan oleh Bank, akan dicaj pada semua wang tertunggak dan patut dibayar kepada Bank, termasuk semua faedah, fi, komisen, dan caj belum dibayar apabila perlu dibayar, daripada tarikh ingkar sehingga tarikh pembayaran penuh (kedua-duanya selepas serta sebelum sebarang tuntutan atau penghakiman), walaupun hubungan di antara jurubank dan pelanggan mungkin telah tamat atau dibatalkan.

10. Kami menjamin dan mengambil tanggungjawab penuh untuk semua ketulenan, ketetapan dan kesahihan bil muatan dan sebarang dokumen yang dilampirkan bersama bil pertukaran yang dikeluarkan oleh kami dan pesuruh bayar dan juga sifat, kuantiti, kualiti dan keadaan barang dagangan yang dinyatakan dalam bil muatan dan/atau dokumen lain.
11. Kami akan bertanggungjawab, dan akan menanggung akibat, kerugian atau kelewatan atau tiada penerimaan sebahagian atau semua bil dan dokumen, atau untuk sebarang kerugian atau kerosakan yang mungkin berlaku kepada barang dagangan tersebut, sama ada semasa ia berada dalam transit di laut, udara atau darat, atau selepas ketibaannya, atau oleh sebab tiada insurans atau insurans yang tidak mencukupi atau oleh sebarang sebab, atau untuk pemberhentian, atau penahanan daripada pengirim atau mana-mana pihak sekalipun, dan akan membayar balik sebarang jumlah yang mungkin perlu dibayar kepada anda berhubung dengan diskaun dan pembelian bil.
12. Kami bersetuju bahawa hak milik kepada barangan dalam bil tersebut dan dokumen berkaitan dengannya, barang dagangan yang diwakili, dan semua prosid darinya akan dan akan kekal bersama anda sehingga bayaran bil dan semua jumlah perlu dibayar untuk bil atau sebaliknya, dan bayaran untuk sebarang dan semua hutang dan liabiliti yang lain. Kami memberi kuasa kepada anda untuk menjual barangan tersebut melalui jualan awam atau persendirian pada budi bicara anda tanpa pemberian notis kepada kami.
13. Kami bersetuju bahawa bil dan dokumen lampiran, apabila diterima dari Bank pada terma dan syarat yang dinyatakan di atas, adalah pada tanggungjawab kami, diterima dan dipegang oleh Bank, dan dikemukakan oleh Bank untuk penghasilan oleh agen kutipan Bank di destinasi, tertakluk kepada semua syarat, sekatan dan cukai kerajaan serta bayaran lain, kedua-duanya di Malaysia dan di tempat destinasi penghantaran dan bil. Kami akan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Bank dan agen Bank untuk pematuhan wajar pada setiap keperluan, syarat, arahan atau sekatan oleh sebarang jabatan kerajaan atau daripada sebarang pihak berkuasa yang dibuat atau dikenakan berhubung dengan penghantaran barang dagangan atau dengan Bil Pertukaran atau rundingan dan kutipannya.
14. Semua kos dan perbelanjaan (termasuk kos guaman pada dasar ganti rugi penuh) berhubung dengan pemprosesan transaksi dan pemulihan wang perlu dibayar di sini akan dibayar oleh kami, pada dasar ganti rugi penuh, bersama dengan faedah daripada tarikh kos dan perbelanjaan ditanggung kepada tarikh pembayaran penuh pada kadar yang ditetapkan oleh Bank pada bila-bila masa dan pada budi bicara mutlaknya.
15. Tanpa prejudis kepada sebarang hak lain yang Bank mungkin ada, Bank boleh (tanpa mempunyai tanggungjawab) pada bila-bila masa untuk mendebitkan akaun kami, akaun semasa atau sebaliknya dan/atau mendebitkan baki kemudahan overdraf (jika ada) dengan semua faedah terakru, prinsipal belum bayar, tunggakan berhubung dengan indemniti, fi, komisen, caj, kos dan perbelanjaan serta semua wang perlu dibayar di sini jika pendebitan tersebut tidak dianggap sebagai bayaran untuk amaun perlu dibayar (melainkan tahap sebarang amaun dalam kredit di dalam akaun kami) atau satu pengecualian untuk sebarang kejadian ingkar. Jika pendebitan tersebut menyebabkan pengeluaran lebih dalam akaun kami, faedah pada kadar yang diguna pakai akan perlu dibayar.
16. Faedah pada sebarang wang prinsipal yang buat masa kini dijamin oleh Terma dan Syarat ini, termasuk faedah yang dipermodalkan, akan dipermodalkan dan ditambah untuk semua tujuan pada penghujung setiap bulan kalendar (atau tempoh lain yang ditentukan oleh Bank) kepada jumlah prinsipal terhutang pada masa itu, dan akan dikenakan faedah selepasnya pada kadar yang ditentukan oleh Bank dan dijamin serta dibayar sewajarnya. Semua perjanjian rasmi dan syarat terkandung atau tersirat dalam terma dan syarat ini, semua kuasa dan remedi disediakan oleh undang-undang atau oleh terma dan syarat tersebut, semua peraturan undang-undang atau ekuiti berhubung dengan jumlah prinsipal dan faedah tersebut akan sama-sama diguna pakai pada tunggakan faedah yang tunggakan yang dipermodalkan tersebut dan pada faedah untuk tunggakan tersebut.
17. Terma dan Syarat ini akan kekal sah dan terikat walaupun terdapat sebarang perubahan dalam perlembagaan kami, jika sebuah perbadanan melalui penyatuan, penggabungan, pembinaan semula atau sebaliknya, dan jika sebuah firma melalui persaraan, penyingkiran, kematian, kemasukan, penerimaan atau pertukaran rakan kongsi atau sebaliknya.
18. Bank boleh (tetapi tidak bertanggungjawab) pada bila-bila masa dan pemberian notis kepada kami, untuk menyatupadukan, memperkukuh atau menggabung semua atau mana-mana akaun dan liabiliti kami dengan dan kepada Bank, sama ada satu per satu atau bersama dengan mana-mana individu lain. Sebagai tambahan, Bank boleh selepas pemberian notis 7 hari kepada kami, memindah atau menyelesaikan sebarang jumlah dalam kredit dalam akaun tersebut bagi memuaskan sebarang liabiliti kami, sama ada benar atau kontinjen, utama atau kolateral, bersama

atau berasingan. Jika sebarang akaun dalam kredit dinyatakan dalam mata wang selain daripada mata wang liabiliti, Bank boleh menukarkannya kepada mata wang liabiliti pada kadar Bank sendiri bagi pembelian atau pertukaran pada masa tersebut.

19. Bank boleh memutus untuk tidak melaksanakan sebarang terma di sini, atau mengetepikan syarat tersebut sebagaimana ia anggap perlu, atau sebarang pelanggaran oleh kami untuk yang sama, tanpa menjejaskan haknya pada bila-bila masa selanjutnya untuk bertindak dengan tegas sejajar dengan terma asal berhubung dengan pelanggaran sedia ada atau berikutnya.
20. Kami memberi kuasa kepada Bank dan/atau pegawainya untuk mengguna, mendedahkan, memberitahu atau memberi sebarang maklumat berkaitan dengan kami dan/atau akaun kami dan/atau transaksi dalam cara dan tahap di mana Bank akan anggap perlu dari masa ke semasa kepada –
 - a) mana-mana ahli Kumpulan Bank (seperti cawangan, agensi, pejabat perwakilan, syarikat tergabung, bersekutu atau berkaitan dan pegawai, pekerja atau agen mereka masing-masing, sama ada berada di dalam atau di luar Malaysia) untuk mana-mana daripada tujuan berikut:-
 - (i) menyediakan perkhidmatan perbankan kepada kami;
 - (ii) pelaporan;
 - (iii) pemadanan data;
 - (iv) mempromosi, meningkat dan melanjutkan penyediaan perkhidmatan lain oleh Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Bank kepada kami;
 - (v) pencegahan penipuan atau jenayah;
 - (vi) menyasat, mencegah atau sebaliknya berhubung dengan pengubahan wang haram dan aktiviti jenayah;
 - (vii) kutipan hutang;
 - (viii) khidmat sumber luar untuk operasi Bank;
 - (ix) pelaksanaan tugas sebagai seorang pegawai bank atau berkaitan dengan pengauditan atau menjalankan pengurusan risiko;
 - (x) memudahkan pelaksanaan fungsi Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Bank;
 - (xi) pematuhan kepada polisi, garis panduan, arahan atau keperluan Bank;
 - (xii) pelaksanaan peraturan korporat;
 - (xiii) sebarang proses undang-undang yang dimulakan oleh atau dilaksanakan ke atas Bank;
 - b) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau sebaliknya, yang menyediakan perkhidmatan elektronik atau yang lain kepada Bank untuk tujuan menyediakan, mengemas kini, mengekal dan mempertingkatkan perkhidmatan tersebut, termasuk tetapi tidak terhad kepada siasatan percanggahan, kesilapan atau tuntutan;
 - c) mana-mana individu, sama ada di Malaysia atau di tempat lain, yang dilantik oleh Bank untuk tujuan menjalankan atau berkaitan dengan pelaksanaan perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah menggunakan khidmat pakar luar;
 - d) pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan suatu siasatan berkaitan dengan sebarang kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
 - e) pada bank, institusi kewangan, biro kredit atau agen rujukan kredit yang lain (hanya untuk maklumat kredit);
 - f) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional Bank;
 - g) pencetak alat tulis Bank, vendor sistem komputer yang digunakan oleh Bank dan individu sedemikian yang memasang dan menyenggaraannya, dan pembekal barangan atau pembekal perkhidmatan lain yang digunakan oleh Bank;
 - h) mana-mana penerima yang dilantik oleh atau bagi pihak Bank atau mana-mana pihak lain;
 - i) mana-mana biro kredit di mana Bank adalah ahli, dan mana-mana ahli dan/atau jawatankuasa pematuhan biro kredit sedemikian;
 - j) mana-mana agensi penarafan, pembekal insurans atau broker insurans atau penyedia perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
 - k) mana-mana peserta atau sub-peserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab Bank di bawah persetujuan perbankan di antara Bank dengan kami, pemegang serah hak, *novatee* atau

- penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, agen atau penasihat) atau mana-mana dari mereka;
- (l) untuk transaksi yang dilaksanakan atau diproseskan dengan atau tanpa kebenaran kami dalam atau melalui teler automatik bank atau institusi kewangan atau bukan kewangan yang lain atau terminal atau mesin atau peranti dikendalikan kad lain yang diluluskan oleh Bank, kepada bank atau institusi kewangan atau bukan kewangan, pedagang atau pihak lain yang menerima kad mesin teler automatik dan agen atau kontraktor mereka masing-masing;
 - (m) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa ke atas Bank atau mana-mana ahli Kumpulan Bank;
 - (n) mana-mana individu di mana Bank atau ahli Kumpulan Bank dibenarkan atau diperlukan untuk tujuan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara; dan
 - (o) mana-mana individu lain di mana pendedahan tersebut dianggap oleh Bank adalah untuk kepentingannya, atau kepentingan mana-mana ahli Kumpulan Bank.
21. Sijil Bank adalah bukti muktamad untuk amaun tertunggak, dijangka dan perlu dibayar oleh kami, dan akan terikat pada kami untuk semua tujuan apa-apa sekalipun, termasuk tujuan bagi sebarang prosiding guaman.
22. Semua jumlah yang dibayar atau dipulihkan berhubung dengan liabiliti kami di sini akan diguna pakai oleh Bank bagi memuaskan semua caj, fi, faedah dan/atau prinsipal dalam pecahan sedemikian dan dalam aturan keutamaan sedemikian di mana Bank menganggap sesuai pada budi bicara mutlakny.
23. Di mana ungkapan “kami” termasuk dua atau lebih individu atau pihak, terma dan syarat ini akan terikat pada individu dan pihak tersebut secara bersama atau berasingan.
24. Sebarang terma atau peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tidak akan menjejaskan kesahan atau penguatkuasaan terma dan peruntukan yang lain.
25. Bank boleh merevisi semula komisen, kadar faedah, fi dan caj dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, sebarang pertukaran pada fi dan caj boleh dilakukan oleh Bank pada bila-bila masa pada budi bicara mutlakny, tertakluk pada Bank memberi notis terdahulu 21 hari kepada kami.
26. Bank boleh menambah, meminda, mengubah dan mengubah suai sebarang atau semua Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa pada budi bicara Bank dengan pemberian notis kepada kami.
27. Bank boleh memberi notis dan komunikasi kepada kami dalam mana-mana cara yang berikut:-
- (a) melalui pos biasa ke alamat terakhir kami yang diberikan oleh kami kepada Bank; atau
 - (b) melalui transmisi elektronik (seperti faksimile, telefon bimbit atau internet); atau
 - (c) melalui pemaparan di cawangan Bank atau dalam laman web Bank.
28. Notis dan komunikasi daripada Bank akan dianggap telah diterima oleh kami:-
- (a) jika dihantar melalui pos, tiga hari selepas pengeposan walaupun jika ia tidak dapat dihantar atau dipulangkan;
 - (b) jika dihantar melalui transmisi elektronik, serta-merta pada transmisi;
 - (c) jika dipaparkan di mana-mana cawangan Bank atau laman web Bank, pada masa pemaparan.
29. Jika Bank tidak dapat memenuhi atau melaksanakan kesemua atau sebahagian daripada terma dokumen ini disebabkan kejadian di luar kawalan munasabah Bank, termasuk malfungsi pada peralatan, sistem atau pautan transmisi, kegagalan atau sabotaj, kebakaran, banjir, letupan, tindakan elemen, bencana alam, kemalangan, epidemik, serangan, sekat masuk, bekalan kuasa yang putus atau gagal, pertikaian pekerja, tindakan, permintaan atau keperluan sebarang Kerajaan atau pengawal atur atau bidang kuasa yang kompeten, atau oleh sebarang sebab lain di mana Bank tidak dapat mengelak secara munasabah, pelaksanaan tanggungjawab Bank yang terjejas oleh sebab-

sebab sedemikian akan dikecualikan selagi sebab-sebab tersebut berterusan. Bank tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang kelewatan, kerugian, ganti rugi atau kesukaran akibat mana-mana sebab yang dinyatakan di atas.

30. Bank dan Kumpulan Bank boleh bertindak dalam apa-apa cara yang mereka anggap sesuai, tanpa rundingan terdahulu dengan kami, jika mereka menerima arahan mahkamah yang dikeluarkan oleh sebuah mahkamah dalam sebarang bidang kuasa. Kami bersetuju bahawa kami tidak akan mempertanggungjawabkan Bank untuk sebarang kerugian atau ganti rugi berhubung dengan tindakan mereka.
31. Terma dan Syarat ini adalah tertakluk pada undang-undang Malaysia dan kami menyerah pada bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia.

Ditandatangani oleh:

Tandatangan-tandatangan yang Dibenarkan

Nama Pemohon :

Alamat :

Tarikh :